

**1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN**

1.1 Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-undang Olahraga Dunia (**WA**), Undang-undang Olahraga Malaysia (**MA**), Peraturan-Peraturan MSSM dan Peraturan Kejohanan Olahraga **MSS SABAH 2026**.

**2. JENIS PERTANDINGAN**

- 2.1 Kejohanan Berpasukan dan Individu  
2.2 Jenis acara untuk kejohanan adalah seperti berikut:

Kod	Acara/Peringkat Umur	Lelaki			Perempuan		
		18TKB	15TKB	12TKB	18TKB	15TKB	12TKB
1	100 Meter	X	X	X	X	X	X
2	200 Meter	X	X	X	X	X	X
3	400 Meter	X	X		X	X	
4	800 Meter	X	X		X	X	
5	1500 Meter	X	X		X	X	
6	3000 Meter (Terbuka)	X*			X*		
7	80m Lari Berpagar			X 0.762M			X 0.762M
8	100m Lari Berpagar				X 0.762M	X 0.762M	
9	110m Lari Berpagar	X 0.914M	X 0.838M				
10	200m Lari Berpagar		X 0.762M			X 0.762M	
11	400m Lari Berpagar	X 0.838M			X 0.762M		
12	2000m Lari Berhalangan	X 0.838M	X 0.762M		X 0.762M		
13	3000m Jalan Kaki					X	
14	5000m Jalan Kaki		X		X		
15	10000m Jalan Kaki	X					
16	Lompat Tinggi	X	X	X	X	X	X
17	Lompat Jauh	X	X	X	X	X	X
18	Lompat Kijang	X	X		X	X	
19	Lontar Peluru	X 5.00kg	X 4.00kg	X 2.72kg	X 3.00kg	X 3.00kg	X 2.72kg
20	Lempar Cakera	X 1.50kg	X 1.00kg		X 1.00kg	X 1.00kg	
21	Merejam Lembing	X 700g	X 600g		X 500g	X 500g	
22	Tukul Besi (Terbuka)	X 5.00kg			X 3.00kg		
23	4 x 100M	X	X	X	X	X	X
24	4 x 200M			X			X
25	4 x 400M	X	X		X	X	
26	Campuran 4 x 400M (Terbuka)	X Terbuka**					
27	Heptathlon (P)				X*		
28	Oktathlon (L)	X*					
Jumlah		19	18	8	19	18	8

\* Peserta di kategori ini boleh menyertai acara 3000m(T) sebagai salah satu acara individu manakala Peserta-peserta yang mengambil acara Heptathlon dan Oktathlon hanya boleh menyertai 2 acara berpasukan.

\*\* Terbuka untuk kategori sekolah menengah sahaja

Heptathlon : Hari Pertama :100m Lari Berpagar, Lompat Tinggi, Lontar Peluru, 200m  
: Hari Kedua :Lompat Jauh, Merejam Lembing, 800m

Oktathlon : Hari Pertama :100m, Lompat Jauh, Lontar Peluru, 400m  
: Hari Kedua :110m Lari Berpagar, Lompat Tinggi, Merejam Lembing,1500m

### 2.3 Kelayakan Umur Peserta

18 Tahun dan Ke Bawah Lahir pada atau selepas 01 Januari 2008 hingga 31 Disember 2010  
 15 Tahun dan Ke Bawah Lahir pada atau selepas 01 Januari 2011 hingga 31 Disember 2013  
 12 Tahun dan Ke Bawah Lahir pada atau selepas 01 Januari 2014 hingga 31 Disember 2016

### 2.4 Kod **07** : Acara 80 meter Lari Berpagar

Bil Pagar	Tinggi Pagar	Pagar 1 dari garisan permulaan	Pagar ke Pagar	Pagar 8 Ke garisan Penamat
8	0.762 meter	12.0 meter	8.0 meter	12.0 meter

### 2.5 Kod **08** : Acara 100 meter Lari Berpagar

Kategori	Bil.Pagar	Tinggi Pagar	Garisan permulaan ke Pagar 1	Pagar ke Pagar	Pagar akhir ke Garisan penamat
P18TKB	10	0.762 meter	13.0 meter	8.50 meter	10.50 meter
P15TKB	10	0.762 meter	13.0 meter	8.50 meter	10.50 meter

### 2.6 Kod **09** : Acara 110 meter Lari Berpagar

Kategori	Bil.Pagar	Tinggi Pagar	Garisan Permulaan Ke Pagar 1	Pagar ke Pagar	Pagar akhir ke Garisan penamat
L 18TKB	10	0.914 meter	13.72 meter	9.14 meter	14.02 meter
L 15TKB	10	0.838 meter	13.72 meter	9.14 meter	14.02 meter

### 2.7 Kod **10** : Acara 200 meter Lari Berpagar

Kategori	Bil.Pagar	Tinggi Pagar	Garisan Permulaan Ke Pagar 1	Pagar ke Pagar	Pagar akhir ke Garisan penamat
L15TKB	5	0.838 meter	20.0 meter	35.0 meter	40.0 meter
P15TKB	5	0.762 meter	20.0 meter	35.0 meter	40.0 meter

### 2.8 Kod **11** : Acara 400 meter Lari Berpagar

Kategori	Bil.Pagar	Tinggi Pagar	Garisan permulaan Ke Pagar 1	Pagar ke Pagar	Pagar akhir ke Garisan penamat
L18TKB	10	0.838 meter	45.0 meter	35.0 meter	40.0 meter
P18TKB	10	0.762 meter	45.0 meter	35.0 meter	40.0 meter

### 2.9 Kod **12** : Acara 2000 METER LARI BERHALANGAN

2.9.1 Ketinggian pagar Halangan: **0.838 m** (L18 ), **0.762m** ( PTB / L15 )

2.9.2 Lompat Pagar : 18 kali

2.9.3 Lompat Air : 5 kali

2.9.4 Lompatan air ialah lompatan kedua dalam pusingan pertama dan kemudiannya lompatan yang keempat dalam pusingan yang berikutan

### 2.10 Kod **24** : Acara 4 X 200 M

2.10.1 **Pelari Pertama** akan gunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan 1½ stagger – seperti pelari pertama dalam acara 4 x 400 M

2.10.2 **Pelari Kedua** akan bersedia di garisan satu stagger yang akan disediakan

2.10.3 **Pelari Ketiga** akan bersedia di garisan ½ stagger ( seperti pelari kedua dalam acara 4 x 400 M ). Selepas menerima baton daripada pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing – masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya, boleh memotong masuk ke lorong pertama.

2.10.4 **Pelari Akhir** akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut "start list" , dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak peserta lain.

2.11 Kod **25** : Acara Campuran 4 x400 m (**TERBUKA**)

2.11.1 Susunan pelari adalah mengikut **Lelaki -> Perempuan -> Lelaki -> Perempuan**

**3. HADIAH-HADIAH**

- 3.1 Acara Individu sehingga 1500 meter - Pertama, Kedua dan Ketiga
- 3.2 Acara Individu 3000 meter dan jarak lebih daripadanya serta Heptathlon dan Oktathlon – Pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam.
- 3.3 Acara Berpasukan – Enam pingat akan diberi kepada setiap pasukan yang berjaya di tempat Pertama, Kedua dan Ketiga.

**4. CARA PERTANDINGAN**

- 4.1 Setiap pasukan adalah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara individu dan satu (1) pasukan sahaja bagi setiap acara Lari Berganti-ganti.
- 4.2 Bilangan maksimum penyertaan seorang peserta adalah seperti berikut:-

Kategori	Individu	Lari Berganti-ganti
18 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
15 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
12 TKB	2	2

- 4.3 Peserta-peserta Heptathlon dan Oktathlon **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara individu yang lain kecuali acara lari berganti-ganti.
- 4.4 Acara ` **Terbuka** ` hanya dibenarkan untuk peserta **Sekolah Menengah** sahaja.

**5. PENCATATAN MASA**

- 5.1 Pertandingan ini menggunakan sistem **Semi ET** bagi tujuan catatan masa rasmi sepanjang kejohanan MSSD Ranau kali ke-53 tahun 2026.
- 5.2 Semua catatan yang direkodkan melalui sistem **Semi ET** adalah untuk rujukan masa pertandingan sahaja dan tidak diiktiraf sebagai Rekod Baharu Kejohanan.
- 5.3 Sebarang catatan masa yang diperolehi tidak boleh digunakan sebagai rekod rasmi acara balapan kerana sistem **Semi ET** tidak memenuhi piawaian pengiktirafan **WA. TR 19.1**
- 5.4 Pihak pengelola hanya akan mengesahkan kedudukan dan keputusan pertandingan berdasarkan catatan masa yang direkodkan oleh sistem tersebut.

**6. PENDAFTARAN PESERTA-PESERTA**

- 6.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada jam **11.59 pm, 12 Jun 2026 (ISNIN)** di laman sesawang <http://www.jsports.com.my/sabah/ranau/daftar> iaitu satu minggu sebelum Kejohanan dengan mendaftarkan peserta dalam laman sesawang pendaftaran dan mencetak Borang Penyertaan Rasmi dalam sistem pendaftaran atas talian. Butir-butir tentang seseorang hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Setiausaha Sukan Sekolah masing-masing.
- 6.2 Peserta-peserta yang hanya menyertai acara Lari Berganti-ganti sahaja juga dikehendaki mendaftar.
- 6.3 Semua peserta hendaklah melengkapkan Borang Pendaftaran Individu ( Borang **R01/M01** ) secara individu berserta gambar berukuran pasport dengan menyertakan salinan kad pengenalan / sijil kelahiran yang disahkan oleh Pengetua / Guru Besar / Penolong Kanan Sekolah peserta berkenaan dengan pengesahan terakhir oleh Pengurus Pasukan serta Setiausaha Sukan. (Peraturan Am 4.8)
- 6.4 Peserta-peserta 12 tahun ke bawah **WAJIB** membawa sijil lahir asal, manakala peserta-peserta 15 dan 18 tahun ke bawah **WAJIB** membawa Kad Pengenalan Asal atau setaraf dengannya sebagai pengesahan rasmi semasa pemeriksaan dokumen. Kad pengenalan kejohanan (**ID**) juga perlu dibawa bersama dan merupakan dokumen pengenalan rasmi semasa peserta mendaftar diri di bilik panggilan. Surat Akuan, Surat Sumpah dan sebagainya **TIDAK AKAN DITERIMA** (Sila rujuk Peraturan Am 4 MSSM dan Lampiran C.)

- 6.5 Seseorang peserta yang hilang kad pengenalan mesti mempunyai dokumen JPN KP09/KPPK 09 dengan gambar ukuran passport dari Jabatan Pendaftaran Negara. Manakala peserta yang sedang memohon mendapatkan kad pengenalan kali pertama perlu menunjukkan dokumen JPN KPII/KPPK II dengan gambar ukuran passport dari Jabatan Pendaftaran Negara.
- 6.6 Pelajar-pelajar yang menerima surat tawaran kemasukan ke Tingkatan Enam Rendah dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) wajib disahkan pendaftaran oleh Pengetua/Penolong Kanan sekolah berkenaan.
  - 6.6.1 Lahir selepas 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2008 (18 Tahun)
  - 6.6.2 Bilangan acara yang boleh disertai 3 Individu dan 2 Berpasukan
- 6.7 Status Atlet Sekolah Sukan Malaysia Sabah (**SSMS**)
  - 6.7.1 PPD akan mengeluarkan surat makluman menyertai Kejohanan Olahraga MSSD Ranau
  - 6.7.2 Atlet SSMS akan bertanding dan mewakili sekolah menengah daerah Ranau di sekolah asal atau mana-mana sekolah menengah yang mahu mengambil atlet sekolah sukan.
  - 6.7.3 Pingat dan rekod atlet SSMS diiktiraf oleh MSSD Ranau dan dicatat dalam rekod Kejohanan
  - 6.7.4 Pingat yang berjaya diperolehi atlet SSMS akan dikira dalam jumlah pungutan pingat dan termasuk dalam sekolah yang diwakilinya.
- 6.8 Jawatankuasa Pengelola berhak menolak mana-mana penyertaan peserta yang tidak lengkap diisi sebagaimana kehendak seperti (6.1)

## **7. PENARIKAN DIRI DAN PENGGANTIAN**

### **7.1 Mesyuarat / Taklimat Pengurus**

- 7.1.1 Mesyuarat pengesahan akan diadakan pada **18 JUN 2026 (KHAMIS)**. Pengurus Pasukan atau wakilnya diminta hadir.
- 7.1.2 Nama-nama peserta yang akan mengambil bahagian dalam semua acara hendaklah disahkan selewat-lewatnya dalam mesyuarat tersebut. **SELEPAS ITU, SEMUA PERTUKARAN/PENGGANTIAN TIDAK AKAN DILAYAN.**
- 7.1.3 Semasa mesyuarat ini, hanya penarikan diri **TANPA** pengganti dibenarkan.

### **7.2 Penarikan Diri Semasa Kejohanan Dijalankan.[TR 4.4 - Failure to participate]**

- 7.2.1 Jika didapati seseorang peserta setelah disahkan penyertaannya pada mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan, tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya, **KECUALI** jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit / cedera daripada Pegawai Perubatan, atlet berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 7.2.2 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal tanpa surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan, adalah dianggap sebagai telah menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 7.2.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan kepada Pengurus Kejohanan.

### **7.3 Penggantian Dalam Acara Lari Berganti-ganti**

- 7.3.1 Bagi acara Lari Berganti-ganti, komposisi pasukan boleh dibentuk daripada senarai peserta yang telah didaftarkan dalam borang pendaftaran rasmi pasukan sahaja. Walaubagaimanapun, sebaik sahaja pasukan telah mula bertanding, hanya dua (2) orang atlet tambahan boleh digunakan sebagai pengganti dalam komposisi pasukan tersebut. Komposisi dan susunan larian atlet-atlet hendaklah diistiharkan secara rasmi tidak lewat daripada **satu jam sebelum masa panggilan separuh akhir / akhir** dengan menggunakan borang rasmi lari berganti-ganti yang disediakan JK Teknikal dan Pertandingan MSSD Ranau.

## 8. MELAPORKAN DIRI

- 8.1 Semua peserta mesti melaporkan diri seperti jadual di bawah sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta

ACARA	MASA AKHIR LAPOR DIRI	MASA BERGERAK KE ARENA
Balapan	20 minit sebelum acara bermula	10 minit sebelum acara bermula
Balapan ( Lari Berpagar)	25 minit sebelum acara bermula	15 minit sebelum acara bermula
Lontaran, L. Jauh, L. Kijang	30 minit sebelum acara bermula	15 minit sebelum acara bermula
Lompat Tinggi	30 minit sebelum acara bermula	20 minit sebelum acara bermula

- 8.2 Peserta-peserta yang lewat melaporkan diri, sebelum acara mereka dimulakan, Referi Bilik Panggilan **boleh membatalkan penyertaan** dalam acara tersebut dan akan dianggap sebagai telah menarik diri.
- 8.3 Peserta-peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan
- 8.4 Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka **TIDAK AKAN DIBUAT**. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan di tempat Bilik Panggilan (Penyelia Peserta). Hebahan hanya akan dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program kejoanan
- 8.5 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan no. bib mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju masing-masing

## 9. PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN

- 9.1 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan diiringi oleh Hakim Bilik Panggilan atau wakilnya.
- 9.2 Untuk acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berada di lorong masing-masing, berpusing balik dan menghadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka (Jika diberi arahan).

## 10. PEMANASAN BADAN

Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang ditentukan.

## 11. BLOK PERMULAAN (Starting Blocks)

- 11.1 Bagi acara-acara kategori 18 TKB, 15 TKB & 12 TKB lelaki dan perempuan yang tersebut dibawah, mulaan dekam (crouch start) adalah **WAJIB** menggunakan blok permulaan (starting blocks).

100 meter	100 meter lari berpagar	4 x 100meter
200 meter	110 meter lari berpagar	4 x 400meter
400 meter	400 meter lari berpagar	

- 11.2 Blok permulaan (starting block) akan disediakan oleh pihak pengelola.
- 11.3 Walaubagaimanapun, peserta boleh memilih untuk menggunakan blok permulaan milik sekolah masing-masing setelah ianya dibenarkan oleh pihak pengelola.

## 12. PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN

- 12.1 Spikes : Kejoanan ini akan diadakan atas balapan 'Sintetik'. Panjang maksimum paku spike tidak boleh melebihi 6mm.
- 12.2 Peralatan: Jawatankuasa Pengelola akan sediakan semua peralatan termasuk blok permulaan.

## 13. CARA MENANDA DI TEMPAT-TEMPAT PERTANDINGAN.

Peserta-peserta tidak dibenar menggunakan kapur atau lain-lain bahan sepertinya untuk menanda di tempat-tempat pertandingan. Mereka haruslah menggunakan pita (masking tape) yang disediakan oleh pasukan masing-masing. **TR 17.4** peserta tidak dibenarkan meletak tanda/penanda bantuan di atas / dalam atau di sisi lorong larian untuk membantu mereka.

#### 14. UKURAN TINGGI / JARAK PERMULAAN

- 14.1 Bagi acara-acara tersebut di bawah, ukuran tinggi permulaan dan kenaikan seterusnya adalah seperti berikut :

Kategori	Warmup	Mula	Kenaikan Seterusnya ( dalam meter )									
			1.60	1.65	1.70	1.74	1.78	1.82	1.91	1.94	1.97	1.99
L 18	1.50	1.55	1.60	1.65	1.70	1.74	1.78	1.82	1.91	1.94	1.97	1.99
P 18	1.20	1.25	1.30	1.35	1.40	1.44	1.48	1.52	1.55	1.58	1.61	1.63
L 15	1.35	1.40	1.45	1.50	1.55	1.59	1.63	1.67	1.70	1.73	1.76	1.78
P 15	1.15	1.20	1.25	1.30	1.40	1.44	1.48	1.52	1.55	1.58	1.61	1.63
L 12	1.15	1.20	1.25	1.30	1.40	1.44	1.48	1.52	1.55	1.58	1.61	1.63
P 12	1.05	1.10	1.15	1.20	1.25	1.29	1.33	1.37	1.40	1.43	1.46	1.48
Okta	1.25	1.30	1.33	1.36	1.39	1.42	1.45	1.58	1.61	1.64	1.67	1.70
Hepta	1.15	1.20	1.23	1.26	1.29	1.32	1.35	1.38	1.41	1.44	1.47	1.50

- 14.2 Papan Lonjakan dan Kawasan Mendarat Bagi Acara Lompat Kijang

Kategori	Lelaki	Perempuan
Bawah 18 Tahun	11 meter	9 meter
Bawah 15 Tahun	9/11 meter	7/9 meter

#### 15. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KEJOHANAN

##### 15.1 Acara Oktathlon dan Heptathlon

- 15.1.1 Pemenang ialah peserta yang dapat mengumpulkan jumlah mata yang terbanyak dalam tujuh atau lapan acara mengikut keadaan, berdasarkan Jadual Mengira Mata **WA**, walaupun ukuran berat bagi acara Melontar Peluru dan Merejam Lembing tidak sama dengan kehendak **WA**.
- 15.1.2 Jika sekiranya seri, kekal seri. (**TR 39.11/ TR 39.13**)

##### 15.2 Penentuan Peserta Terbaik

- 15.2.1 Hadiah-hadiah peserta terbaik akan diberi kepada Peserta Terbaik Lelaki 18TKB, Lelaki 15TKB, Lelaki 12TKB, Perempuan 18TKB, Perempuan 15TKB dan Perempuan 12TKB. **Pingat Emas** pemecah rekod baru berstatus [ikut ranking kejohanan] Rekod Kejohanan Olahraga peringkat Kebangsaan (**MA**), Rekod Remaja Kebangsaan (**MA**), Rekod Sekolah-sekolah Asean dan MSSM dan jumlah rekod yang di perbaharui dengan mengambil kira **USIA REKOD** dan bilangan pingat emas, perak dan gangsa.
- 15.2.2 Sekiranya tiada rekod diatasi / dicatat, jumlah pungutan pingat emas dalam acara individu akan diambil kira.
- 15.2.3 Sekiranya pungutan pingat emas masih sama, pungutan pingat perak dan gangsa dalam acara individu akan diambil kira.
- 15.2.4 Sekiranya kedudukan masih sama juga, maka keputusan akan di buat berdasarkan Jadual Mengira Mata **WA** bagi pencapaian terbaik acara tertentu setiap peserta.

##### 15.3 Johan Keseluruhan

Johan Keseluruhan bagi Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Ranau ialah Kontinjen yang memenangi **Pingat Emas Terbanyak**. **Jika berlaku seri, pungutan pingat perak terbanyak akan diambil kira; Jika masih seri, pungutan pingat gangsa terbanyak akan diambil kira.**

#### 16. SEPARUH AKHIR

##### 16.1 Tiga (3) Separuh Akhir

Hanya dua (2) peserta ( pemenang pertama dan kedua ) dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa yang terbaik dari Ketiga-tiga, Separuh Akhir adalah layak memasuki peringkat Akhir.

**16.2 Dua (2) Separuh Akhir**

Hanya Tiga (3) peserta ( pemenang pertama , kedua dan ketiga ) dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa yang terbaik dari Kedua-dua Separuh Akhir adalah layak memasuki peringkat Akhir.

16.3 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatatkan masa terbaik lebih dari bilangan yang dihadkan di 15.1 atau 15.2, maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika bilangan masih lebih, cabutan undi akan dilakukan oleh wakil Jawatankuasa (TIC).

**17. PEMBAHAGIAN LORONG**

17.1 Semua pembahagian lorong adalah tanggungjawab Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Olahraga MSSD Ranau.

17.2 Bagi pusingan pertama, penempatan lorong pusingan awal berdasarkan **TR 20.2**

17.3 Penentuan pusingan seterusnya adalah berdasarkan **TR 20.3**

17.4 Bagi penentuan lorong, tiga (3) undian akan dibuat seperti berikut:-

17.4.1 LURUS

'Rank' teratas, lorong 3,4,5,6, 'Next rank' lorong 2,7 'rank' terakhir lorong 1,8

17.4.2 200 m

'Rank' teratas lorong 5,6,7, 'Next rank' lorong 3,4,8 'rank' terakhir lorong 1,2

17.4.3 400 m dan 800 m

'Rank' teratas lorong 4,5,6,7, 'Next rank' lorong 3,,8 'rank' terakhir lorong 1,2

**18. PENGADIL/PEGAWAI PERTANDINGAN**

18.1 Semua Pegawai Teknikal yang bertauliah akan dilantik oleh Pejabat Pendidikan Daerah Ranau untuk bertugas di sepanjang pertandingan berlangsung.

18.2 Keputusan Pegawai Teknikal dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

**19. HURUF-HURUF PENGENALAN MSS SEKOLAH MENENGAH DAN ZON**

19.1 Huruf dan Nombor Peserta

**SEKOLAH MENENGAH**

SMK RANAU	: R001 - R099
SMK BUNDU TUHAN	: B100 - B199
SMK KUNDASANG	: K001 - K999
SMK MAT SALLEH	: M300 - M399
SMKA MOHAMAD ALI	: A001 - A999
SMK LOHAN	: L500 - L599
SMK TIMBUA	: T600 - T699
SMK ULU SUGUT	: U700 - U799
SMK MATUPANG JAYA	: J800 - J899
SMK KEMBURONGOH	: H001 - H999
SMA AL-IRSYADIAH	: D001 - D999
SEKOLAH SUKAN MALAYSIA	: W001 - W099
MRSM	: X001 - X099
K9 SK TIBABAR	: Q001 - Q099

**ZON SEKOLAH RENDAH**

ZON KINABALU	: C100 - C199
ZON TIMUR	: N200 - N299
ZON TENGAH	: E300 - E399
ZON PEKAN	: P400 - P499
ZON GARAS	: G500 - G599
ZON SELATAN	: S600 - S699
ZON UTARA	: F700 - F799
ZON ULU SUGUT	: Z800 - Z899

19.2 Ukuran kain : 26 sm x 15 sm (Sekolah Menengah)  
21 sm x 14.5 sm (Sekolah Rendah)

19.3 Ukuran Nombor : Tinggi Huruf / Nombor : 15 sm/13 sm  
Lebar Huruf / Nombor : 4.5 sm - 5.0 sm  
Tebal Huruf / Nombor : 1.5 sm

## 20. BANTAHAN

- 20.1 Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut **TR 8** , kecuali perkara-perkara seperti di bawah:-
- 20.1.1 Jika masalah Bantahan berkenaan dengan kelayakan (status) seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan dimulakan, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian dibawah bantahan, dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada MSS Daerah Ranau kelak.
- 20.1.2 Bantahan-bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta-merta dan tidak lewat daripada:-
- Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal.
  - Tiga Puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.
- 20.1.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertai dengan Wang Pertaruhan bagi acara individu sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus) dan acara berpasukan **RM 300.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).
- 20.1.4 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.

## 21. FALSE START (SALAH MULA)

- 21.1 Berkuatkuasa 1 Januari 2012, di bawah **TR 16.7**, mana-mana peserta yang melakukan salah mula akan dibatalkan, kecuali dalam acara bercampur. Dalam acara bercampur, peserta yang melakukan salah mula hendaklah diberi amaran. Hanya 1 salah mula dalam satu perlumbaan dibenarkan tanpa pembatalan. Mana-mana atlet yang melakukan salah mula seterusnya dalam perlumbaan itu akan dibatalkan.

## 22. HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 22.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola, dengan persetujuan Pengerusi Teknik Olahraga MSS Daerah Ranau, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, Pengurus-Pengurus Pasukan akan diberitahu kelak.
- 22.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam Peraturan-Peraturan Am MSSM dan MSSS atau Undang-Undang **WA/MA**.

## 23. HAL-HAL LAIN

- 23.1 Tempat khas hendaklah disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai. Orang yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 23.2 Selain pegawai-pegawai teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIADA SESIAPA PUN DIBENARKAN MASUK KE DALAM ARENA PERTANDINGAN.**
- 23.3 Peserta Jalan Kaki tidak dibenarkan menggunakan 'Track-Bottom' semasa pertandingan. Mesyuarat memutuskan hanya seluar 'Tight' yang dibenarkan bagi memudahkan hakim jalan kaki memeriksa 'Foul'.
- 23.4 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kehilangan anggota badan / harta atau sebarang kecederaan lain berlaku:-
- Semasa perjalanan pergi dan balik dari tempat penginapan ke tempat kejohanan dan sebaliknya.
  - Semasa kejohanan dijalankan.
  - Di dalam dan luar kawasan kejohanan.
  - Di tempat-tempat penginapan.
- 23.5 Walau bagaimanapun, pihak Pengelola akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan peserta dan pegawai terjamin setakat yang munasabah.